

## Hong Leong sasar kutip premium RM300j menerusi HLA Wealth Builder

**H**ONG Leong Assurance Bhd (HLA) menyasar kutipan premium sehingga RM300 juta atau menjual sekurang-kurangnya 20,000 polisi dalam tempoh setahun menerusi pelancaran produk insurans hayat terbarunya, HLA Wealth Builder.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Eksekutifnya, Loh Guat Lan, yakin sasaran itu mampu dicapai berdasarkan prestasi kutipan premium daripada jualan Wealth Builder kini sudah mencecah RM35 juta sejak ia diperkenalkan menerusi prapelan-caran pada Mei lalu.

Katanya, produk itu adalah satu daripada dua produk utama syarikat yang dirancang diperkenalkan tahun ini sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan syarikat.

“Kami akan melancarkan satu lagi produk di bawah segmen pelaburan sebelum berakhir tahun ini dan ia akan melengkapkan kesemua segmen produk yang kami tawarkan kepada pengguna.

“Kerjasama strategik dengan Mitsui Sumitomo

Insurance Co Ltd yang akan berakhir 1 Oktober ini, tidak akan mengubah dasar kami untuk melancarkan sekurang-kurangnya dua produk utama setiap tahun,” katanya pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Wealth Builder dan lima program eksklusifnya iaitu penambah kekayaan, LifeIncome Plus 1 hingga Plus 4, adalah produk baru yang khusus diperkenalkan untuk memberikan pulangan pelaburan dalam bentuk jaminan pendapatan tahunan dan perlindungan sehingga usia 90 tahun.

HLA turut menawarkan elemen nilai tambah dalam produk barunya itu dengan memberikan pilihan kepada pengguna memendekkan bayaran premium bulanan kepada hanya enam tahun berbanding kebanyakan pelan insurans hayat lain yang memerlukan pembayaran berpanjangan.

Menerusi pelaburan minimum RM200 sebulan, Wealth Builder dijamin memberikan pulangan sehingga 150 peratus daripada jumlah asas diinsuranskan menjelang

tarikh matang.

Loh berkata, memahami keperluan pengguna yang sering berhadapan dengan keperluan wang di luar dugaan, HLA Wealth Builder, Wealth Enhancer dan LifeIncome Plus 1 hingga 4, akan membenarkan pemegang polisi memperoleh sejumlah wang tunai yang diperlukan selepas tempoh lima tahun daripada tempoh jaminan pendapatan mereka.

Katanya, sebagai tambahan, HLA menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mengeluarkan jaminan pendapatan tahunan mereka bagi tempoh akan datang pada usia seawal 60 tahun atau 75 tahun untuk memenuhi keperluan peribadi pengguna tanpa menjejaskan status mereka untuk terus dilindungi.

“Kami terus berusaha untuk memahami keperluan pengguna dengan penghasilan produk ini, di mana ia adalah pelan serba guna yang sesuai kepada pengguna yang mahu pulangan dan perlindungan jangka panjang walaupun dengan komitmen jangka pendek,” katanya.



LOH menuangkan air kedalam bekas yang sudah diletakan tanah dan benih sebagai acara simbolik pelancaran HLA Wealth Builder di Subang, baru-baru ini.

**INFO**

- Jaminan Pendapatan Tahunan dari tahun pertama hingga usia 90 tahun.
- Kemudahan komitmen pembayaran pendek sehingga 6 tahun dengan perlindungan jangka panjang.

Jumlah pembayaran mengikut peratus daripada jumlah jaminan	<b>HLA Wealth Builder</b> *Jika pembayaran berakhir tahun keenam (5.0%) *Pembayaran premium 10 tahun (8.88%)	<b>Wealth Enhancer Rider</b> *Jika pembayaran berakhir tahun keenam (1.0%) *Premium bagi 8 tahun: a) 1.0% tahun satu hingga tahun keenam b) 1.38% dari tahun ketujuh ke atas
Tempoh Bayaran	Daripada tamat tahun ke-10 hingga usia 90	Daripada akhir tahun pertama hingga tarikh tamat